



كردا دارالامان
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795
Laman Web : pkpk.kedah.gov.my
E-mel : pkpk@kedah.gov.my

كردا دارالامان
KEDAH SEJAHTERA
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj.Kami Bil (29) dlm. P.Kw.N(K) 0190/PKPK/1-2025
Tarikh: 2 Safar 1447H
27 Julai 2025

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri & Persekutuan Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman.

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

ARAHAN KEPADA SEMUA JABATAN BAGI MEMASTIKAN SEBARANG PERJANJIAN/DOKUMEN KONTRAK PEROLEHAN MESTILAH DIHANTAR KEPADA PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI UNTUK DISEMAK DAN DISAHKAN SEBELUM TANDATANGAN DIBUAT OLEH KETUA JABATAN/PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Dengan segala hormatnya pentadbiran ini merujuk perkara di atas dan keputusan perbincangan **Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Bilangan 6 Tahun 2025** bertarikh 4 Jun 2025.

2. Dimaklumkan bahawa bagi mengelakkan sebarang teguran audit dan kecacatan dalam butiran maklumat untuk sebarang dokumen perjanjian atau dokumen kontrak perolehan yang dilaksanakan di jabatan, maka pentadbiran ini mensyaratkan sebarang dokumen perjanjian atau dokumen kontrak tersebut mestilah dihantar kepada Pejabat YB Penasihat Undang-Undang Negeri terlebih dahulu untuk disemak dan disahkan secara rasmi sebelum ditandatangani oleh Ketua Jabatan/Pegawai yang bertanggungjawab.

3. Oleh itu sebarang perjanjian atau dokumen kontrak yang akan dihantar kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah untuk disahkan oleh Pegawai Kewangan Negeri Kedah mestilah mengemukakan surat maklumbalas pengesahan daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri bersama-sama perjanjian/dokumen kontrak yang terlibat.

4. Sehubungan dengan itu, semua jabatan terlibat mestilah mengambil perhatian dan tindakan bagi perkara yang tersebut di atas dengan sebaiknya. Segala kerjasama yang baik daripada pihak SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Seri/YBhg. Dato' Seri Setia DiRaja Dato' Paduka/YBhg. Dato'/YBhg. Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"
"THE GREATER KEDAH"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' WIRA HAJI SYED KHAIROL ANUAR BIN SYED ABIDIN,
DGWK.,DSDK., SDK., AMK., BCK., ASK.)
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k.
1. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah Darul Aman.
 2. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
 3. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan).
 4. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)

Tel: 04-7027757/7758/7759 Emel: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

YBDWPKN/KPPKN (P)/ccsury/UnitPerolehanPKN/2025